

26 DEC 2001

MAHATHIR-MASA DEPAN

EKONOMI SEJAGAT TIDAK AKAN PULIH DENGAN SEGERA, KATA DR M

Oleh: S. Retna

PUTRAJAYA, 26 Dis (Bernama) -- Kemelesetan ekonomi sejagat dijangka tidak akan menyaksikan pemulihan segera memandangkan masih terdapat ketidaktentuan dalam ekonomi dunia serta kebimbangan di kalangan penduduk dunia untuk mengembara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata ekonomi sejagat akan mengambil masa untuk pulih setelah terdapat kejadian berulang yang menimbulkan kebimbangan di kalangan orang ramai terutamanya untuk mengembara dan pelbagai kejadian lain yang tidak menentu dalam ekonomi dunia.

"Baru-baru ini kebimbangan sedemikian berulang kerana terdapat kejadian di mana seorang lelaki dalam penerbangan (dari Eropah ke Amerika Syarikat minggu lepas) cuba untuk meletupkan bom yang dibawa dalam kasutnya," kata beliau kepada pemberita selepas rakaman perutusan Tahun Baru untuk siaran RTM di pejabatnya, di sini.

Dr Mahathir berkata mengembara kini menjadi semakin sukar kerana terdapat keperluan untuk memastikan semua garis panduan keselamatan dipatuhi.

Beliau berkata orang ramai sudah tidak banyak mengembara seperti sebelumnya dan tidak begitu yakin yang mereka tidak akan menjadi mangsa serangan penganas berikutnya telah menjejaskan ekonomi dunia.

"Ia (ekonomi dunia) akan pulih tetapi ia akan pulih secara perlahan," tambah beliau.

Mengenai industri penerbangan, Dr Mahathir berkata ia akan pulih tidak lama lagi dan Malaysia boleh mengambil kesempatan terhadap pemulihan berkenaan.

"Tetapi pada masa ini, ramai pelancong tidak berminat untuk ke Eropah atau ke Amerika Syarikat. Mungkin mereka sepatutnya melawat Malaysia sebagai pilihan lain," katanya.

Semasa ditanya mengenai ekonomi Malaysia tahun depan, perdana menteri berkata negara akan terus mempertingkatkan lagi industri elektronik dan elektrik dan pada masa yang sama memberi tumpuan kepada bidang-bidang lain yang boleh menjana ekonomi.

"Kita akan terus dengan industri elektronik dan elektrik walaupun ianya tidak begitu memberangsangkan tahun ini...tetapi sekarang kita juga memberi tumpuan kepada lain-lain bidang. Sebagai contoh kita mempunyai kemampuan untuk mengeluarkan banyak peralatan, membuat banyak produk keluli dan aluminium, kita berkebolehan dalam banyak lagi industri lain yang mana kita boleh mendapatkan pasaran baru." katanya.

Sebagai contohnya, Dr Mahathir berkata pengeluaran peralatan rumah sepatutnya meninjau pasaran baru di Timur Tengah.

"Jadi kita perlu mempelajari untuk bergantung kepada industri yang lain," tegas beliau lagi. -- BERNAMA

SR SHY NHD